

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
TANJUNG LANGSAT PORT SDN BHD  
JOHOR DARUL TAKZIM

OLEH

LEONARD LUHAT LAING  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2004

1100032946 *Ch: 1910*

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang <i>Leonard Lubat Lain</i>	No. Panggilan <i>LP 4 FPE30</i>		
Judul <i>Industri ditanggung langsap port</i>	<i>2004</i>		
Tarikh <i>28/07/08</i>	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli <i>Uu 12989</i>	Tanda tangan



# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI TANJUNG LANGSAT PORT SDN BHD JOHOR DARUL TAKZIM**

**Oleh:**

**LEONARD LUHAT LAING  
Sarjana Muda Pengurusan  
( Maritim )**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2004**

**1100032946**

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya LEONARD LUHAT LAING mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan




---

Nama : LEONARD LUHAT LAING

Tarikh : ..... 23.10.2004 .....

Disahkan oleh :



---

Penyelia KUSTEM /

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## PENGHARGAAN

Salam sejahtera,

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Haji Mazlan Othman, selaku Pengurus Besar dan Penyelia Industri Tanjung Langsat Port (TLP) Sdn Bhd diatas kesudian beliau untuk menerima pelatih untuk menjalankan Latihan Industri selama 3 bulan di TLP iaitu bermula dari 21 Mac 2004 sehingga 12 Jun 2004. Tidak lupa juga kepada warga pekerja TLP diatas segala kerjasama dan pengalaman serta tunjuk ajar yang berguna kepada pelatih selama berlatih di TLP. Selain itu, sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Penyelia Industri KUSTEM, Cik Wan Mariam Binti Wan Abdullah serta semua Urusetia KUSTEM diatas sokongan dan dorongan padu yang diberi oleh kalian kepada pelatih. dalam menyediakan penempatan dan membantu pelatih sepanjang menjalankan Latihan Industri ini. Khas buat ibubapa di Sarawak, ucapan terima kasih kerana memahami dan mengambil berat dalam segala hal walaupun berjauhan serta tidak lupa juga jasa teman seperjuangan yang sentiasa membantu dan memberi dorongan selama menjalankan Latihan Industri. Akhir kata, sekalung terima kasih diucapkan kepada pihak yang terlibat baik secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Latihan Industri ini dengan cemerlangnya.

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>M/S</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii-v
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	vii
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	viii
<b>BAB 1      PENGENALAN SYARIKAT</b>	
1.1 <b>SEJARAH RINGKAS ORGANISASI</b>	1
1.1.1    Wawasan Korporat	2
1.1.2    Logo Organisasi	2
1.1.3    Objektif Organisasi	3
1.1.4    Tumpuan Pasaran	4
1.1.5    Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	5-21
1.2 <b>MAKLUMAT ORGANISASI</b>	22
1.2.1    Profil Organisasi	23
1.2.2    Skop Kerja Dan Tanggungjawab	24
1.3 <b>CARTA ORGANISASI</b>	25
1.4 <b>AKTIVITI ORGANISASI</b>	26
1.4.1    Aktiviti Utama	26
1.4.2    Aktiviti Sampingan	27

1.5	KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI	28
1.5.1	Jabatan Kewangan Dan Pentadbiran	28
1.5.2	Jabatan Operasi	29

## **BAB 2        MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, PENGENALPASTIAN MASALAH DAN PENYELESAIAN**

2.1	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	
i.	Mengesan Sistem Sedia Ada	30
ii.	Pengenalpastian Masalah	30
iii.	Penyelesaian Masalah	31
2.2	PERKHIDMATAN/PRODUK	
i.	Mengesan Sistem Sedia Ada	32-33
ii.	Pengenalpastian Masalah	34-35
iii.	Penyelesaian Masalah	36-37
2.3	SISTEM KEMASUKKAN KAPAL	
i.	Mengesan Sistem Sedia Ada	38-40
ii.	Pengenalpastian Masalah	41
iii.	Penyelesaian Masalah	42-45
2.4	SISTEM KESELAMATAN DAN SEKURITI	
i.	Mengesan Sistem Sedia Ada	46
ii.	Pengenalpastian Masalah	46-50
iii.	Penyelesaian Masalah	51-52



<b>BAB 3</b>	<b>RUMUSAN</b>	<b>53-55</b>
<b>RUJUKAN</b>		<b>56-57</b>
<b>LAMPIRAN</b>		

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Perkara</b>	<b>M/s</b>
1-1	Kadar harga mengikut bilangan kapal menggunakan jeti (kecuali kapal air)	8
1-2	Kadar harga mengikut tempoh kapal berlabuh	8
1-3	Kadar harga mengikut penggunaan fasiliti/ kemudahan	8
1-4	Keperluan Tenaga Pekerja Bagi Tempoh Perancangan 2006	16
1-5	Strategi Pembangunan Fizikal Pelabuhan 2004-2006	19

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Perkara</b>	<b>M/s</b>
1-1	Lokasi Pelabuhan Tanjung Langsat	10
1-2	Pelan Pembangunan Fizikal 2003-2012	20
1-3	Konsep Pembangunan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat	21
2-1	Pelan Jeti Pelabuhan Tanjung Langsat	33
2-2	Sistem Kemasukkan Kapal ke Pelabuhan Tanjung Langsat	40
2-3	Sistem Kemasukkan Kapal ke Pelabuhan Tanjung Langsat	43

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Tanjung Langsat Port (TLP) Sdn Bhd merupakan sebuah pelabuhan yang unik dan berdaya saing kian hari semakin membangun setaraf dengan pelabuhan utama di Malaysia terutamanya di negeri Johor. Pada masa kini, TLP boleh berbangga kerana dapat beroperasi dan dilengkapi dengan kemudahan yang canggih meskipun terdapat beberapa cabaran dan masalah yang dihadapi oleh TLP bagi merealisasikan visi dan misi syarikat.

Selama berada 12 minggu di TLP, pelatih telah ditempatkan di dua jabatan berlainan iaitu (1) Jabatan Kewangan dan Pentadbiran dan (2) Jabatan Operasi. Di kedua-dua jabatan ini, pelatih serba sebanyak dapat mempelajari beberapa ilmu pengetahuan baru untuk digunakan dalam melangkah ke alam pekerjaan nanti. Selain menimba pengetahuan, pelatih juga telah mengenalpasti beberapa masalah yang harus diambil perhatian oleh syarikat antaranya: (1) Pengurusan sumber manusia, (2) Perkhidmatan/produk, (3) Sistem kemasukkan kapal dan (4) Sistem keselamatan dan sekuriti.

Oleh yang demikian beberapa jalan penyelesaian telah dikemukakan dalam laporan akhir ini. Ia diharapkan dapat diaplikasikan oleh pihak jabatan terbabit dalam usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan supaya mencapai misi dan objektif syarikat.